

NTUC lancar jurnal dalam topik berkait pekerja di S'pura

Ia tampilkan perjalanan kolektif para akademik, wakil industri tentang isu pekerja



PELANCARAN JURNAL PERTAMA: (Dari kiri) Naib Presiden Snef, Encik Alexander C. Melchers; Setiausaha Agung NTUC, Encik Ng Chee Meng; Dekan Pusat Pengajian Ekonomi SMU, Profesor Hoon Hian Teck; dan Penolong Setiausaha Agung, Encik Patrick Tay, bergambar bersama anak-anak kakitangan NTUC semasa pelancaran jurnal tersebut semalam. – Foto ZAOBAO

► **NORHAIZA HASHIM**
norhaiza@sph.com.sg

KONGRES Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC) telah melancarkan *Jurnal Pekerja Singapura* yang pertama di Asia Tenggara yang mendalami pemikiran, pengalaman dan topik berkaitan pekerja yang dijalankan oleh NTUC serta pemimpin pekerja.

Jurnal itu, melibatkan kertas akademik dan pandangan wakil industri, menampilkan perjalanan kolektif para akademik dan wakil industri mengenai pandangan mengenai isu pekerja, memikirkan pendekatan dan strategi baru bagi kesatuan sekerja di Singapura dan dunia.

Jurnal itu dilancarkan dalam Sidang Kajian Buruh NTUC di Auditorium Stephen Riady di Pusat NTUC semalam.

“Pelancaran *Jurnal Pekerja Singapura* merupakan titik penting bagi NTUC...”

“Ia merupakan contoh bagaimana NTUC menghubungkan ‘kepala, tangan dan hati’ iaitu dengan bekerjasama dengan akademik yang mempunyai kepakaran penyelidikan dan kognitif bagi mendalami isu pekerja. NTUC dan kesatuan kami juga menjelaskan dan melakarkan dasar serta mendengar maklum balas pekerja, di samping pemimpin kesatuan dan akademik yang mempunyai minat mendalam dalam pasaran dan isu pekerja,” jelas Setiausaha Agung NTUC, Encik Ng Chee Meng.

Beliau melahirkan harapan agar jurnal itu akan menjadi rujukan berguna bagi pakar akademik, penggubal dasar, pemimpin dan wakil industri di dunia sedang mereka memberikan gambaran mengenai masa hadapan gerakan buruh dan pasaran pekerja bagi tempat kerja masa hadapan.

Dalam edisi pertama itu, beberapa laporan kajian disertakan, termasuk ‘Bagaimana Membantu Karyawan, Pengurus dan Eksekutif (PME) menangani Gangguan dan Diskriminasi dalam Norma Hadapan?’, ‘Sokongan bagi Belia Merealisasikan Aspirasi dan Menangani Keperluan Mereka’ serta ‘Pendidikan dan Latihan Berterusan: Melihat Melalui Lensa Pemimpin Perniagaan di



“Pelancaran Jurnal Pekerja Singapura merupakan titik penting bagi NTUC...”

Ia merupakan contoh bagaimana NTUC menghubungkan ‘kepala, tangan dan hati’ iaitu dengan bekerjasama dengan akademik yang mempunyai kepakaran

penyelidikan dan kognitif bagi mendalami isu pekerja. NTUC dan kesatuan kami juga menjelaskan dan melakarkan dasar serta mendengar maklum balas pekerja, di samping pemimpin kesatuan dan akademik yang mempunyai minat mendalam dalam pasaran dan isu pekerja.”

– Setiausaha Agung NTUC, Encik Ng Chee Meng semasa pelancaran ‘Jurnal Pekerja Singapura’.

Singapura’.

Mengulas mengenai jurnal itu, Presiden Universiti Nasional Singapura (NUS), Profesor Tan Eng Chye, berkata integrasi pandangan akademik, wakil industri dan perkongsian pengetahuan praktikal dalam *Jurnal Pekerja Singapura* ‘menawarkan perspektif unik mengenai isu pekerja’ dan menyediakan rujukan bagi semua yang terlibat dalam kajian pekerja.

Timbalan Presiden Persekutuan Majikan Ke-

bangsaan Singapura (Snef), Encik Alexander C. Melchers, menyatakan jurnal itu akan meningkatkan perbincangan dan mengukuhkan pemahaman mengenai isu pekerja.

Jurnal dalam bentuk fizikal akan disediakan di kesatuan sekerja, agensi pemerintah yang relevan, persatuan dagangan, manakala bentuk digital boleh didapati di laman korporat NTUC di ntuc.org.sg/SingaporeLabourJournal dan laman perustakaan <https://eresources.nlb.gov.sg/publications/>.

Jurnal NTUC sertakan laporan bantu pekerja yang bimbang kemahiran tidak lagi relevan

KARYAWAN, pengurus dan eksekutif (PME) muda yang berusia di bawah 40 tahun bimbang kemahiran mereka menjadi tidak relevan dalam sekitaran ekonomi pesat berubah.

Mereka juga tidak sedar mengenai kemahiran yang diperlukan di masa hadapan.

PME matang pula yang berusia 40 hingga 60 tahun mendapati sukar mendapat pekerjaan dan merasakan ia adalah disebabkan usia mereka.

Tinjauan itu merupakan antara dapatan hasil interaksi pasukan bertindak Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC) dan Persekutuan Majikan Kebangsaan Singapura (Snef).

Hasil dapatan itu, pasukan bertindak PME NTUC-Snef membentangkan sembilan saranan bagi menangani keprihatinan mereka.

Penolong Setiausaha Agung NTUC, Encik Patrick Tay, telah menyumbang sebuah laporan mengenai langkah yang boleh dilakukan bagi membantu PME menangani gangguan dan diskriminasi dalam norma mendatang dalam *Jurnal Pekerja Singapura* yang diterbitkan julung-julung kali oleh NTUC semalam.

“Untuk kekal relevan dalam ekonomi yang pesat berubah, PME perlu belajar dan meningkatkan kemahiran semula sepanjang kerjaya mereka bagi memenuhi keperluan pekerjaan yang ada dan baru yang wujud dengan perubahan teknologi yang berterusan,” ujarnya dalam laporan itu.

Beliau menambah, membantu meningkatkan gaji, kebajikan dan prospek pekerja kekal tugas utama gerakan pekerja itu.



ENCIK PATRICK TAY: Penolong Setiausaha Agung NTUC.

Antara lain, Jawatankuasa Latihan Syarikat (CTC) merupakan antara inisiatif dilancarkan pada April 2019 oleh NTUC bagi menyokong pekerja menikmati gaji dan prospek pekerjaan lebih baik.

“CTC mungkin juga digunakan bagi menumpukan terhadap peranan PME yang diganggu atau baru di-

wujudkan serta melakarkan pelan latihan yang berstruktur untuk mempersiapkan pekerja yang terjejas,” kata Encik Tay.

Satu laporan dalam jurnal itu yang mengkaji pendidikan dan latihan berterusan dari perspektif pemimpin perniagaan menunjukkan, walaupun pemimpin perniagaan bimbang mengenai ketidaksepadanan kemahiran dalam kalangan pekerja di Singapura, hanya 50.9 peratus daripada mereka menghantar para pekerja mereka menjalani latihan sejak enam bulan sebelum Februari 2021.

Berbanding syarikat berbilang negara (MNC), peratusan syarikat kecil dan sederhana (SME) yang menghantar pekerja bagi latihan berkaitan pekerjaan adalah lebih rendah.

“Ini menunjukkan lebih banyak sokongan bagi keperluan latihan SME boleh diberikan bagi membolehkan mereka menghantar pekerja menjalani latihan,” ujar laporan itu, yang ditulis oleh empat penulis termasuk penolong pengarah (Strategi) NTUC, Cik Silin Yang; pegawai pengkhususan utama strategi NTUC, Cik Ruihan Kang; pegawai pengkhususan strategi NTUC, Cik Zoe Seah, dan mahasiswa tahun empat Universiti Nasional Singapura (NUS), Cik Davina Seet.